

# fokus

# Cabaran industri sawit

Persaingan dengan lemak sayuran antara punca

**D**IANGGARKAN hampir 80 peratus populasi dunia masa kini menggunakan hasil sawit dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Malaysia merupakan antara negara terbesar yang mengeksport sawit iaitu sekitar 39 peratus daripada keluaran sawit dunia.

Daripada jumlah tersebut, negara turut mencatatkan 44 peratus hasil eksport dunia, menjadikan industri sawit amat penting buat negara selain getah dan koko.

Bagaimanapun untuk mengekalkan industri sawit berjalan dengan lancar dan sentiasa berkembang, pelbagai cabaran perlu dihadapi.

Cabarannya daripada keadaan ekonomi yang tidak menentu sehingga kepada perbuatan sabotaj dan kempen antiminyak sawit di peringkat antarabangsa.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), **Tan Sri Dr. Yusof Basiron**, persaingan sengit dengan pengeluar produk lelemak sayuran di peringkat global amat mencabar industri sawit negara.

Jelasnya, pelbagai persepsi buruk dan usaha untuk menjatuhkan industri sawit terus dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Pelbagai paradoks digembarkan mereka yang tidak menyukai produk ini (minyak sawit).

"Antara yang sering diperkatakan adalah amalan perladangan kelapa sawit di negara ini merupakan punca kepada kerosakan hutan, kehilangan habitat bagi orang hutan dan pelbagai lagi,"

Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**  
*ashriqfahmy@gmail.com*

katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah pada majlis Forum Perlادangan Putra Siri 1 yang bertajuk *The Paradox of Oil Palm Sustainability*.

Tambah Dr. Yusof, ramai dalam kalangan pihak antarabangsa tidak memahami konsep yang digunakan dalam perlادangan kelapa sawit di Malaysia.

Tidak kurang juga ada pihak-pihak tertentu yang sengaja mewujudkan pelbagai isu bagi mensabotaj industri kelapa sawit negara.

"Perlادangan kelapa sawit di negara ini ditanam dalam kawasan pertanian yang terkawal dan mengikut undang-undang," katanya.

Sebahagian amalan perlادangan baik juga diamalkan dalam industri sawit seperti tiada lagi amalan pembakaran, mengekalkan liputan hijau (tumbuhan menjalar), mengelakkan pemampatan tanah, pengurusan sisipan buangan dan tanda kosong, mengekalkan kesuburan tanah dan pelbagai lagi.

Antara lain, industri sawit juga banyak menggunakan agen kawalan biologi dalam Pengurusan Integrasi Perosak (IPM).

Dalam pada itu, kebanyakan negara yang menjadikan industri sawit sumber pendapatan mereka merupakan negara-negara yang membangun dan memiliki penduduk yang mahukan kualiti hidup



**YUSOF BASIRON**

lebih baik.

Industri kelapa sawit menyediakan peluang pekerjaan terutamanya kepada penduduk di kawasan pedalaman sekali gus meningkatkan kedudukan ekonomi mereka.

Bagaimanapun, untuk tujuan tersebut, sebahagian tanah perlu digunakan dan rata-rata ramai yang tidak selesa dengan kenyataan tersebut.

Diluar negara, ramai dalam kalangan pertubuhan bukan kerajaan (juga sesetengah di Malaysia) sering menyalahkan industri ini sebagai penyebab utama Malaysia kehilangan liputan kawasan hijau.

Ada yang mencanangkan bahawa setiap jam seluas 300 padang bola hutan ditebang dan dibersihkan untuk menanam kelapa sawit di Malaysia.

Walhal, keadaan sebenar tidak sebegitu dan Malaysia masih memiliki liputan kawasan hutan yang tinggi dan terjaga dengan rapi.

Sedangkan, di negara-negara Eropah mereka telah kehilangan sebahagian besar kawasan hutan yang dimiliki atas alasan pembangunan dan kemajuan namun tiada siapa yang peduli.

Dr. Yusof turut mengambil contoh peratusan hutan yang masih ada di negara-negara Eropah seperti Australia, Amerika Syarikat, Perancis serta United Kingdom yang kini hanya sekitar 23 peratus sahaja.

Berbanding negara-negara membangun seperti Malaysia, Kemboja, Thailand, dan Myanmar yang masih mengekalkan sekitar 51 peratus kawasan yang masih diliputi hutan.

Oleh yang demikian ujar Dr. Yusof, jika benar NGO di Eropah benar-benar mengambil berat tentang liputan kawasan hutan, mereka sepatutnya melakukan perkara yang sama di negaranya.

"Hentikan kemajuan yang ada kini dan biarkan hutan kembali meliputi negaranya dan hiduplah secara sederhana."

"Ini tidak, mereka tetap tamak kemajuan dan kekayaan di negara mereka, tetapi terus menekan dan menghalang negara-negara membangun seperti Malaysia untuk maju ke hadapan," katanya.

Dalam pada itu, menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi),

## NEGARA YANG HILANG POKOK HUTAN TERTINGGI 2011-2013

- Rusia - 4,319,000 pokok sehektar
- Kanada - 2,450,000 pokok sehektar
- Brazil - 2,157,000 pokok sehektar
- Amerika Syarikat - 1,736,000 pokok sehektar
- Indonesia - 1,605,000 pokok sehektar
- Congo - 608,000 pokok sehektar
- China - 523,000 pokok sehektar
- Malaysia - 465,000 pokok sehektar

Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Datuk Dr. Mohd. Azmi Mohd Lila**, dalam proses pembasmian kemiskinan, industri minyak sawit memainkan peranan dalam memacu ekonomi yang utama dalam sektor pertanian.

Ujarnya, di Malaysia, sektor perladangan sawit menyumbangkan peluang pekerjaan kepada kira-kira 570 ribu orang sejak tahun 2011.

"Di samping itu, industri yang sama ini telah memberikan kestabilan pendapatan jangka masa panjang kepada para pekebun kecil," katanya.

Tambah Dr. Mohd. Azmi, untuk memastikan industri kelapa sawit berkembang sejak mula tanaman tersebut diperkenalkan di negara ini, kerajaan telah menubuhkan Kolej Serdang dan sekarang dikenakan sebagai UPM.

"Penubuhan UPM pada peringkat awalnya sehingga kini adalah untuk melatih dan melahirkan jurutera berdasarkan pertanian termasuklah kelapa sawit," katanya.



DR. YUSOF BASIRON (kanan) bersalaman dengan sebahagian peserta sambil disaksikan oleh Dr. Azmi Lila (kiri) pada Forum Perlادangan Putra Siri 1 di Serdang baru-baru ini.

